

Headline	Peluang lihat zakat diagih		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	23	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	328 cm ²
Journalist	Nurul Fatimah Sulaini	AdValue	RM 1,804
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,412



Peluang lihat zakat diagih

Program dedah cara agihan dilakukan

NURULFATIHA MUAH

SHAHALAM – Kira-kira 75 pembayar zakat berpeluang melihat cara wang zakat diagihkan kepada asnaf dan fakir miskin di Selangor menerusi Program Ziarah Korporat dan Media bersama Asnaf, kelmarin.

Ketua Komunikasi Korporat Lembaga Zakat Selangor (LZS), Akhtar Sahari berkata, program itu dijalankan bagi memberi gambaran sebenar ketelusan pengagihan hasil kutipan zakat kepada golongan sasaran yang memerlukan.

“Kita sedar ramai orang tertanya-tanya sama ada wang zakat yang mereka bayar itu sampai kepada golongan sasaran atau tidak.

“Jadi, kita bekerjasama dengan pihak media dan korporat supaya mereka dapat melihat sendiri bagaimana ia diagihkan dan merungkai persoalan mengenai zakat dalam program ini. Kita harap agar mereka dapat menyampaikan maklumat ini kepada orang ramai,” katanya.

Akhtar berkata, program yang dijalankan dua kali setahun sejak 2009 itu melibatkan lokasi berlainan dan peserta yang mengikutinya juga terdiri daripada entiti korporat berasingan.

Dalam program itu, wartawan *Sinar Harian* bersama petugas media lain dan kakitangan unit zakat Universiti

Teknologi Mara (UiTM) berpeluang mengunjungi tujuh lokasi yang menjadi tumpuan wang zakat disalurkan di sekitar negeri ini.

Antara lokasi itu termasuklah Pusat Dialisis Majlis Agama Islam Selangor (Mais); Kedai Dobi Point; Restoran Selera Utara, Rawang; Desa Iman dan Baitul Hasanah, Hulu Selangor; Baitul Iman serta Pusat Latihan Asnaf Zakat (PLAZ), Ulu Yam.

Pengusaha Kedai Dobi Point, Raja Rohaya Raja Anuar, 52, dan pemilik Restoran Selera Utama, Kamariah Saad, 48, adalah antara ibu tunggal yang menerima bantuan modal daripada LZS untuk berniaga.

Mereka yang sebelum ini menerima zakat daripada LZS itu, bagaimanapun sudah mampu untuk mengeluarkan zakat sendiri sejak perniagaan berkembang maju.

Lawatan yang dimulakan dari Ibu Pejabat LZS di Seksyen 13, di sini, jam 8 pagi itu berakhir kira-kira jam 6.30 petang.

Seorang peserta, Ketua Zakat UiTM, Prof Madya Dr Ghafarullahuddin Din berkata, beliau yang baru pertama kali mengikuti program ini menyifatkan ia sebagai acara yang baik untuk diikuti masyarakat sepertinya untuk mengetahui ketelusan pembahagian zakat.

Sementara itu, bagi Pegawai Zakat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Nur Izzati Salleh berkata, se-

Headline	Peluang lihat zakat diagih		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	23	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	328 cm ²
Journalist	Nurul Fatimah Sulaini	AdValue	RM 1,804
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,412

bagai wakil amil kepada LZS, pihaknya akan memaklumkan kepada 440 koperasi di bawah seliaannya mengenai pengagihan zakat di Selangor.

“Kita akan pastikan semua koperasi ini membayar zakat supaya golongan yang memerlukan seperti asnaf dapat dibantu dengan sewajarnya,” katanya.



AKHTAR



Penduduk di Desa Iman, Hulu Selangor bergambar kenangan bersama pihak penganjur selepas sumbangan disampaikan kepada keluarga mualaf.